


diperhati untuk keselamatan rakyat yang beragama Islam, rakyat yang akan menjunjung kemuliaan Raja-raja itu sendiri jika Raja-raja itu memerhati kedudukan rakyat-rakyatnya.

Saya masih ingat lagi bercakapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor tatkala bercakap-cakap dengan tidak rasmi menyatakan bahawa Baginda hidup tidak akan mahu menjual agama Baginda. Duli Yang Maha Mulia itu telah menyatakan bahawa usaha-usaha sedang dijalankan untuk mengatur undang-undang agama bagi negeri Selangor. Tiap-tiap suatu pekerjaan tidak dengan berundang-undang dan berperaturan sudah tentu tidak boleh berjalan dengan sempurna. Inilah kemahuan Yang Maha Mulia itu dan menyatakan juga bahawa kalau sekadar Yang Maha Mulia itu sendiri menjalankan langkah itu sudah tentu tidak akan mendapat sesuatu natijah yang memuaskan, kerana kuasa yang ada kepada Duli Yang Maha Mulia itu sekarang berhad dan dengan sebab itu sangat mustahak mendapat sokongan dan bantuan daripada rakyat Selangor. Rakyat Islam Selangor mesti bersatu dan menyokong segala tujuan-tujuan yang mulia bagi agama dan dengan sokongan itulah dapat di tegakkan kehendak-kehendak dan muslihat agama dengan tidak lagi ragu-ragu dan tempelak menempelak.

Perkataan Duli Yang Maha Mulia ini benar. Selagi kita tidak mempunyai persatuan dan selagi kita pecah belah maka kemuliaan agama, pentadbiran agama dan hal ehwal agama kita akan diperkecil dan akan tidak berapa diindahkan orang bahkan akan disekat bukannya sahaja oleh orang yang bukan Islam tetapi oleh yang mengaku Islam dan di antaranya ada juga yang telah pernah berkata: Dengan terikatnya Perjanjian Federation ini janganlah kita nanti akan berkata dan mengaku bahawa semua orang pendapatan Persekutuan Tanah Melayu itu akan digunakan kepada agama sahaja. “ – Suatu cupak daripada orang yang mengaku Islam ini adalah menjadi ukuran



Ini satu lagi pemandangan di pondok-pondok madrasah al-Nahdah itu.

Jarak di antara pondok-pondok itu lebih kurang sedepa sahaja yang menjadi jalan besarnya. – gambar Qalam

-----*-----*-----

dan perhatian bahawa di dalam lingkungan kita sendiri ada orang yang anti agama dan memburuk-burukkan bahawa agama Islam hanya ibadah sahaja tidak boleh campur dalam politik dan masyarakat. Sekianlah mudah-mudahan dapat ditulis lagi dalam keluaran yang akan datang – insya-Allah.

WASIAT YANG BERHARGA

Tiap-tiap sesuatu kumpulan yang didirikan untuk keperluan rakyat itu, kepunyaan rakyat, bukan kepunyaan beberapa orang yang mendirikannya.

-----*-----*-----

Pepatah: Takkan menang kecuali dengan kekuatan, takkan kuat kecuali dengan persatuan, takkan dapat bersatu kecuali dengan keutamaan dan bukan keutamaan dan selainnya Islam.

-----*-----*-----

Hendaklah tiap-tiap pemimpin ingat bahawa dia jadi pemimpin itu untuk berkhidmat kepada rakyat, bukan rakyat yang mesti berkhidmat kepadanya.